

Headline	Dialog Tuhan, Terimalah Taubatku Beri kesedaran pada golongan transeksual		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	29 Jun 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	10	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,450
Frequency	Weekly	PR Value	RM 7,350



peristiwa



Dialog 'Tuhan, Terimalah Taubatku' Beri kesedaran pada golongan transeksual

Oleh: FAZEEF AF

Bertempat di Pink Triangle (PT) Foundation yang menjadi penempatan golongan transeksual, pekerja seks, serta penghidap HIV satu program 'Peningkatan Kendiri dan Transformasi Gaya Hidup Golongan Transeksual' telah diadakan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Program ini merupakan salah satu daripada projek komuniti (CSR) yang bertujuan menggalakkan penjawat awam dan pihak kerajaan untuk menjadi lebih responsif terhadap aspirasi serta lebih prihatin kepada rakyat.

Sesi utama program ini adalah Dialog 'Tuhan, Terimalah Taubatku' yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada golongan transeksual untuk kembali ke pangkal jalan serta ke arah kehidupan yang lebih baik.

Selain itu ia turut diisi dengan bimbingan dan kaunseling pada golongan transeksual

untuk memberi kesedaran ke arah kehidupan yang positif dan bimbingan kerjaya dengan mempelajari kemahiran jahitan dan kraf tangan.

Ini berikutan golongan transeksual kurang diberi peluang bekerja kerana stigma serta pandangan serong masyarakat hingga menyebabkan ramai daripada mereka terjerumus ke dalam bidang perkhidmatan seks lantas menimbulkan pelbagai masalah sosial.

Sementara itu program ini juga mendapat kerjasama Giat Mara turut menawarkan program Latihan 1 Malaysia kepada golongan ini untuk mengikuti beberapa kursus seperti pembelajaran hiasan dalaman, solekan, masakan serta jahitan.

Penyelaras program ini, Saidatun Najmiah Binti Mohd Jamil amat berharap agar masyarakat sudi untuk menerima golongan ini bekerja dengan berdasarkan kebolehan yang ada pada mereka tanpa melihat kepada perwatakan yang dibawa. ■



Program dapat kerjasama banyak pihak.



Kaunseling dan bimbingan kerjaya mengisi program.